



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603- 5544 7000
No. Faks : 603 -5510 2658
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : <http://ptg.selangor.gov.my>

Bil. (10) dlm. PTGS/CR01/00/2000 Jld.6

30 Rabiulakhir 1432 H
4 April 2011

SEPERTI SENARAI EDARAN

Y. Bhg. Dato' / Y.Bhg. Datin Paduka/ Tuan/ Puan,

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR BIL. 3 / 2011

**GARIS PANDUAN PEROLEHAN HARTANAH DAN PARAS HARGA BARU OLEH
WARGANEGARA ASING / PENDUDUK TETAP / SYARIKAT ASING DI NEGERI
SELANGOR**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Berdasarkan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri bil.MMK.No.3/5/2011 bertarikh 9 Februari 2011 yang telah disahkan pada 16 Februari 2011 telah bersetuju meluluskan cadangan mengenai garis panduan perolehan hartanah dan paras harga baru oleh warganegara asing / penduduk tetap / syarikat asing di Negeri Selangor.

3. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bil.3/2011 untuk rujukan pihak Y. Bhg. Dato' / Y.Bhg. Datin Paduka / Tuan / Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan tugas,


(DATO' ABD. NASIR BIN HASSAN)
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Selangor Darul Ehsan

s.k. Ketua Pengarah Eksekutif
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor
Tingkat 5, Podium Utara
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40503 SHAH ALAM.

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3 / 2011

=====

**GARIS PANDUAN PEROLEHAN HARTANAH DAN PARAS HARGA
BARU OLEH WARGANEGARA ASING / PENDUDUK TETAP/
SYARIKAT ASING DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah mengenai keputusan Pihak Berkuasa Negeri mengenai garis panduan perolehan hartanah dan paras harga baru oleh warganegara asing / penduduk tetap / syarikat asing di Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Pihak Berkuasa Negeri Selangor melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bil. MMK.No.3 / 5 / 2011 bertarikh 9 Februari 2011 yang telah disahkan pada 16 Februari 2011 telah bersetuju ***meluluskan*** cadangan mengenai garis panduan perolehan hartanah dan paras harga baru oleh warganegara asing / penduduk tetap / syarikat asing di Negeri Selangor.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Syarat-syarat Perolehan Hartanah

3.1.1 Kuota Jualan

Tidak melebihi peratusan kuota/unit bukan bumiputera yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3.1.2 Paras Harga

Paras harga yang telah ditetapkan bagi semua jenis perolehan adalah RM500,000.00.

3.1.3 Syarat-Syarat permohonan

Syarat-syarat permohonan perolehan hartanah oleh warganegara asing / penduduk tetap / syarikat asing adalah seperti di Lampiran A.

3.2 Syarat-syarat Pemohon

3.2.1 Semua warganegara asing dan penduduk tetap yang layak atau melalui peguam yang dilantik.

3.2.2 Permohonan hanya akan dipertimbangkan bagi syarikat-syarikat asing yang layak dan memenuhi kriteria-kriteria berikut :-

- 3.2.2.1 Berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia mengikut Akta Syarikat 1965;
- 3.2.2.2 Mengemukakan Borang 24 dan Borang 49 yang terkini (berkaitan penyenggaraan ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang saham syarikat) dan diakui sah oleh setiausaha syarikat yang berdaftar; dan
- 3.2.2.3 Syarikat yang layak memiliki tanah untuk tujuan tertentu seperti yang dinyatakan di dalam *Memorandum And Article of Association* Syarikat.

3.3 Kaedah Permohonan

3.3.1 Mengemukakan permohonan lengkap berdasarkan senarai semak yang disediakan.

3.3.1.1 Borang permohonan (Borang 433B) seperti di **Lampiran B.**

3.3.1.2 Senarai semak seperti di **Lampiran C.**

3.4 Bayaran yang dikenakan

3.4.1 Fi pemprosesan

Berdasarkan pengenaan yang telah ditetapkan di dalam Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003.

3.4.2 Permohonan

- | | | | |
|----|---------------------------|---|----------|
| a) | Ada Sekatan Kepentingan | - | RM200.00 |
| b) | Tiada Sekatan Kepentingan | - | RM150.00 |

3.4.3 Rayuan

- | | | | |
|----|-------------------|---|----------|
| a) | Rayuan Pertama | - | RM 50.00 |
| b) | Rayuan Kali kedua | | |
| | dan seterusnya | - | RM100.00 |

3.5 Tempoh Sah Laku Surat Kelulusan

Tempoh sah laku surat kelulusan hanya dua (2) tahun sahaja dari tarikh surat kelulusan ditandatangani.

4. PERKARA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN KEPUTUSAN

Warganegara asing / syarikat asing / penduduk tetap yang telah membeli hartanah kurang daripada RM500,000.00 sebelum berkuat kuasanya pekeliling ini (berdasarkan tarikh surat perjanjian jual beli) adalah tidak tertakluk kepada syarat-syarat ini.

5. TARIKH KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

5.1 Pelaksanaan arahan dalam pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 April 2011.

5.2 Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, pekeliling PTGS sebelum ini adalah dibatalkan serta merta :-

5.2.1 Pekeliling PTGS Bil. 1/1994;

5.2.2 Pekeliling PTGS Bil. 8/2006;

5.2.3 Pekeliling PTGS Bil. 1/2009;

5.2.4 Pekeliling PTGS Bil. 5/2009; dan

5.2.5 Pekeliling PTGS Bil. 8/2009.


(DATO' ABD. NASIR/BIN HASSAN)

Pengarah Tanah dan Galian

Negeri Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 24 Mac 2011

**SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PEROLEHAN HARTANAH
OLEH WARGA NEGARA ASING/PENDUDUK TETAP/SYARIKAT ASING
DI NEGERI SELANGOR**

BIL.	KATEGORI	SYARAT/SEKATAN
1.	BANGUNAN KEDIAMAN	WARGA NEGARA ASING/PENDUDUK TETAP/SYARIKAT ASING BOLEH MEMPEROLEHI SEMUA JENIS BANGUNAN KEDIAMAN YANG BERHARGA <u>RM 500,000.00</u> DAN KE ATAS. DENGAN SYARAT :- i. Kuota yang dibeli adalah Kuota Bukan Bumiputera ii. Hartanah tersebut bukan pegangan melayu iii. Tidak terlibat dengan Lelongan Awam *** Hartanah pegangan 99 tahun atau pegangan selama-lamanya perlu mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri
2.	BANGUNAN PERNIAGAAN	WARGA NEGARA ASING/PENDUDUK TETAP/SYARIKAT ASING BOLEH MEMPEROLEHI SEMUA JENIS BANGUNAN PERNIAGAAN YANG BERHARGA <u>RM 500,000.00</u> DAN KE ATAS. DENGAN SYARAT :- i. Kuota yang dibeli adalah Kuota Bukan Bumiputera ii. Hartanah tersebut bukan pegangan melayu iii. Tidak terlibat dengan Lelongan Awam *** Hartanah pegangan 99 tahun atau pegangan selama-lamanya perlu mendapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri

BIL.	KATEGORI	SYARAT/SEKATAN
3.	INDUSTRI	WARGA NEGARA ASING/PENDUDUK TETAP/SYARIKAT ASING BOLEH MEMPEROLEHI HARTANAH KATEGORI INDUSTRI YANG BERTARAF <u>RM 500,000.00</u> DAN KE ATAS. DENGAN SYARAT :- 1. ADA SEKATAN Jika hartanah tersebut mempunyai Sekatan Kepentingan, PERLU mendapat KELULUSAN dari Pihak Berkuasa Negeri 2. TIADA SEKATAN Jika hartanah tersebut TIADA mempunyai Sekatan Kepentingan, TIDAK PERLU mendapatkan KELULUSAN dari Pihak Berkuasa Negeri - Hendaklah mempunyai lesen pengilang dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian (MITI)

BIL.	KATEGORI	SYARAT/SEKATAN
4.	PERTANIAN	WARGA NEGARA ASING/PENDUDUK TETAP/SYARIKAT ASING BOLEH MEMPEROLEHI SEMUA JENIS BANGUNAN PERNIAGAAN YANG BERHARGA <u>RM 500,000.00</u> DAN KE ATAS. DENGAN SYARAT :- A. TIDAK DIBENARKAN MEMBELI :- i. Tanah kategori pertanian untuk tujuan pertanian. Contoh :- Beli tanah getah untuk terus menanam getah atau ditukar kepada tanaman kelapa sawit tetapi mengekalkan tanaman pertanian B. DIBENARKAN Membeli tanah pertanian untuk digunakan bagi maksud :- i. Industri berteknologi tinggi ii. Industri berasaskan pertanian ; dan iii. Projek pelancongan DENGAN SYARAT :- Pembelian dibuat melalui syarikat tempatan yang ekuitinya tidak kurang dari 49% dimiliki oleh warganegara Malaysia (termasuk 30% ekuiti Bumiputera)

BIL.	KATEGORI	SYARAT/SEKATAN
5.	PINDAHMILIK KASIH SAYANG	PINDAHMILIK INI ADALAH DARI KELUARGA TERDEKAT SAHAJA DENGAN DISERTAKAN DOKUMEN-DOKUMEN YANG BERKAITAN :- 1. Isteri kepada Suami / Suami kepada Isteri (Mesti disertakan SIJIL PERKAHWINAN) 2. Bapa/Ibu/Datuk/Nenek kepada Anak Anak kepada Bapa/Ibu/Datuk/Nenek (Mesti disertakan SURAT BERANAK) 3. Pindahmilik kepada adik beradik (Mesti disertakan SURAT BERANAK) KELUARGA TERDEKAT bererti individu yang mempunyai hubungan perkahwinan (suami/isteri) atau pertalian darah (datuk, nenek, ibu, bapa, adik-beradik dan anak-anak termasuk anak tiri dan juga anak angkat yang disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.
6.	PERINTAH MAHKAMAH/PROBET	Warganegara asing/Penduduk Tetap yang dilantik sebagai Wasi atau Pentadbir dan kemudiannya memindahmilik hartanah berkenaan kepada benefisiari, <u>disyaratkan membuat permohonan kebenaran dengan mengemukakan borang 433B dan melalui prosedur seperti biasa.</u>
7.	HAKMILIK INDUK (MASTER TITLE)	A. PERMOHONAN YANG MASIH HAKMILIK INDUK TIDAK memerlukan Kebenaran Pindahmilik sehingga hakmilik individu/ hakmilik strata dikeluarkan. B. BATAL GANTI (SUB-SALE) Sebarang urusan mengenai batal ganti (<i>sub-sale</i>) adalah tanggungjawab sepenuhnya di antara pihak pemaaju dan pihak pembeli tertakluk kepada kuota yang ditetapkan.

BIL.	KATEGORI	SYARAT/SEKATAN
8.	PERMOHONAN BERSAMA WARGA NEGARA DAN BUKAN NEGARA (1/2 BAHAGIAN)	PERMOHONAN BERSAMA DI ANTARA WARGA NEGARA ASING/PENDUDUK TETAP DAN WARGA NEGARA :- i. WARGANEGARA ASING/PENDUDUK TETAP Perlu mendapat kelulusan dari PTG Selangor terlebih dahulu sebelum membuat perserahan/pendaftaran di Pentadbir Tanah Daerah. (Bagi pembelian bersama 1/2 bahagian warga negara dan 1/2 warga asing).
9.	PERMOHONAN YANG MEMERLUKAN KELULUSAN UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI	i) Perolehan hartanah secara langsung yang mengakibatkan pengurangan pemilikan hartanah kepentingan Bumiputera dan/atau agensi kerajaan, bernilai RM20 juta dan ke atas; dan ii) Perolehan hartanah secara tidak langsung oleh bukan kepentingan Bumiputera menerusi perolehan syer yang mengakibatkan perubahan kawalan dalam syarikat mempunyai hartanah lebih 50 peratus daripada keseluruhan aset syarikat, dan nilai hartanah yang dimiliki melebihi 20 juta.

KERAJAAN NEGERI SELANGOR
(State Government of Selangor)

PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK *MEMINDAHMILIK/MEMAJAK/
Application for Consent to *Transfer/ Lease/
MEMAJAK KECIL TANAH KEPADA WARGANEGARA ASING (SEKSYEN 433B)/
Sub-lease of land to non Malaysian Citizen (Section 433B)/
PELEPASAN SEKATAN KEPENTINGAN (SEKSYEN 120)
Release of Restriction in interest of (Section 120)
KANUN TANAH NEGARA
National Land Code

Kepada :
(To)

Pentadbir Tanah
(Land Administrator)

.....

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

(For official use)

Nombor Permohonan
Application Number

Tarikh Daerah:
Dated District of

Diterima pada hb.....20.....
Received at day of

Pada jam pagi/petang
At am/pm

Nombor fail Pejabat :
(L.O Correspondance Number)

.....
Pentadbir Tanah
(Land Administrator)

COP
PEJABAT
(L.S.)

Daerah
(District)

Tarikh :
(Dated)

Saya/Kami
(I/We)

No. Kad Pengenalan/No. Pendaftaran Syarikat :
(NRIC Number/Company Registration Number/or other indentifications)

beralamat
(address)

Pemilik berdaftar kesemua bahagian/bahagian yang tidak dipecah bagi tanah yang butir-butirnya seperti
(registered owner of the whole/party of the the undivided share of the land scheduled as
berikut:-
follows)

Bandar/Pekan/ Mukim (Town/Village/ Mukim)	Kawasan (Area)	No. Lot/Petak/P.T. (Lot No./ Parcel/P.T No.)	Jenis dan Hakmilik (Description and No. of Title)	Bahagian Tanah (Whole land)	Jenis kegunaan (Category of land use)

Dengan ini memohon kebenaran untuk memindahmilik/memajakkan/memajak kecilkan
(hereby apply for consent to transfer/ lease/ sub-lease of)

Tanah itu kepada Warganegara Asing/Syarikat Asing dan pelepasan Sekatan
(land to non Malaysian citizen/ foreign company and the release of its restriction)

Kepentingannya seperti yang dicatat di dalam hakmilik di atas.
(in interest as written in the above title deed)

2. Keterangan bakal penerima dan pembalasan bagi pindahmilik/pajakan/pajakan kecil tersebut
adalah seperti berikut:-

(particular of transferee and consideration are as follows):

(i) Nama :
(Name)

(ii) *No. Kad Pengenalan/No.Pendaftaran Syarikat (atau pengenalan lain) :
(*NRIC Number/Company Registration Number for other indentifications)

(iii) Alamat :
(address)

*(a) Sebagai balasan wang sebanyak :
(In consideration of the sum of)

*(b) Sebagai balasan (jika lain dari wang siapa datangnya)
(In consideration of (if other than money and from whom it comes)

.....
.....

*(c) Dengan tiada apa-apa balasan (nyatakan sebab)
(for no consideration (state reason)

.....

3. Keterangan lain bagi tanah tersebut adalah seperti berikut:-

(Other particulars of the land area as follows):-

- (i) Jenis penggunaan (Kategori) : Bangunan/Industri/Pertanian
(Category of land use) (Residential/Industry/Agriculture)
- (ii) Jika bangunan : Rumah kediaman/Rumah kedai/Perniagaan :
(If building) (Residential/ Shop House / Commercial)
- (iii) Perihal bangunan : (a) tingkat/teres/berangkai/berkembar/sesebuah.
(storey/terrace/link/semi detached/bungalow)

ATAU

(Or)

(b) Apartment/Kondominium/Flat. no. Petak:
(Apartment/Condominium/Flat. number of parcel)

No. Tingkat: No. Blok Bangunan:
(No. of storey)

- (iv) Jika lot pertanian
(If agricultural lot)(type of crop)
- (v) Jika lot kosong
(If vacant lot)
- (vi) Luas tanah
(Width of the area)
- (vii) Lain-lain keterangan (jika ada)
(Others if any)

4. Bersama-sama ini dilampirkan maklumat lanjut mengenai diri dan Surat Akuan saya/kami seperti dilampirkan B1 dan B2, juga bakal penerima pada Lampiran B3 dan B4.

(I/We attach herewith further information pertaining to myself/ourselves and Statutory Declaration in Appendix B1 and B2 also Intended transfree as in Appendix B3 and B4)

5. Kelulusan dari Jawatan Pelaburan Asing (FIC) untuk mendapatkan harta ini

***SUDAH/BELUM/TIDAK PERLU** diperolehi.

(Approval from FIC attached /not attached/not needed)

(Jika sudah diperolehi sertakan salinan surat kelulusannya)

Rujukan surat FIC Tarikh
(FIC reference) (Date)

6. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen-dokumen berikut:-
(Attached herewith the following documents)
- (i) Satu salinan sah Dokumen Hakmilik Daftar
(A certified copy of the Regular Document of Title)
 - (ii) Satu salinan fotostat resit bayaran cukai semasa
(A photostate copy of the current quit rent receipt)
 - (iii) Satu salinan *Kad Pengenalan/Artikal dan Memorandum Persatuan (atau Keterangan lain) saya/kami (pemilik tanah)
(A photostate copy of the *NRIC memorandum of Articles and Association for other particulars).
 - (iv) Satu salinan paspot/Pendaftaran dan Undang-undang Tubuh Warganegara Asing/Syarikat Asing tersebut (bakal penerima)
(A photostate copy of passport Memorandum of Articles of Association on Certificate of Business Registrartion of the transferee)
7. Saya/Kami mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan betul.
(I/We do hereby certify that all the particulars furnished above are true and correct).

.....
Tandatangan Pemohon/
Pemilik Tanah
(Signature of Applicant/Land Owner)

.....
Tarikh:
(Date)

.....
Tandatangan Bakal Penerima Tanah
(Signature of the transferee)
(Warganegara/Syarikat Asing)

Penting : Tiap-tiap borang permohonan adalah untuk seorang tuannya/tuannya bersama
dan satu hakmilik sahaja.
Important : Every application from is meant for one owner/co-owner and for one title only.

*Potong yang tidak berkenaan
*Delete as appropriate

LAMPIRAN A
(Appendix A)

BUTIR –BUTIR PEMOHON
(Details of Application)

1. Nama :
(Name)
2. *No. Kad Pengenalan/No. Pendaftaran Syarikat (atau pengenalan lain) :
(NRIC Number/Company Registration Number or other indentifications)
.....
3. Bangsa :
(Race)
4. Ugama :
(Religion)
5. Warganegara :
(Citizenship)
6. Alamat surat menyurat pemohon :
(Postal address of applicant)
.....
.....
7. Alamat tempat tinggal sekarang :
(Address of present residence)
.....
.....
8. No. Telefon (Jika Ada) :
(Telephone number if any)
9. Pekerjaan :
(Profession)
10. Jumlah pendapatan sebulan :
(Monthly total income)
11. Tempat kerja :
(Place of work)
12. Taraf perkahwinan :
(Marital status)
13. Umur : Jantina :
(Age) (Sex)
14. Tarikh Lahir : Tempat dilahirkan :
(Date of birth) (Place of birth)

15. Jumlah tanggungan :
(Total number of dependants)
16. *Nama suami/isteri :
(*Name of husband/wife)
17. *Pekerjaan suami/Isteri :
(Profession of husband/wife)
18. *Jumlah pendapatan bulanan suami/isteri :
(*Total income per month of husband/wife)
19. Butir-butir tanggungan pemohon :
(Details of dependants of applicant)

BIL (NO)	NAMA PENUH (FULL NAME)	UMUR (AGE)	TEMPAT LAHIR (PLACE OF BIRTH)	TARIKH LAHIR (DATE OF BIRTH)	HUBUNGAN (RELATIONSHIP)

20. *Saya /kami dan suami/isteri memilik tanah-tanah di negeri-negeri dalam Malaysia seperti berikut:-
(Detail of any other properties own by me /us)

NEGERI (STATE)	DAERAH (DISTRICT)	*BANDAR/ PEKAN/ MUKIM (TOWN/ VILLAGE/ MUKIM)	PERIHAL DAN NO. HAKMILIK (DESCRIPTION AND NUMBER OF TITLE)	KELUASAN (AREA)	KEGUNAAN TANAH (LAND OF USE)

21. Pemohon memindahkan/memajakan/memajak kecilkan tanah tersebut dibuat adalah kerana
(Reasons of disposal)

.....

.....

.....

.....
Tarikh:
(Date)

.....
Tandatangan atau cap ibu jari Pemohon
(Signature or thumb print of applicant)

*Potong yang tidak berkenaan
(*Delete as appropriate)

SURAT AKUAN
FORM OF DECLARATION

*Saya/kami(Pemohon)
*I/We Applicants

*No. K.P/No. Pendaftaran Syarikat (atau pengenalan lain)
*NRIC Number Business Registration Number or other identification

yang cukup umur dan tinggal di
of full age and residing at

Ikhlās mengaku bahawa butir-butir yang disebutkan dalam permohonan saya kepada Pejabat Tanah
do solemnly and sincerely declare that the particulars furnished in my application to the Land Office

..... bertarikh untuk kebenaran memindahmilik/
dated for consent to transfer

memajak/memajak kecil tanah yang dipegang di bawah hakmilik (Perihal dan nombor)
lease/sub-lease in the land held under the description and number

..... Mukim adalah benar dan betul.
Mukim are true and correct

*Saya/Kami membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya adalah benar serta menurut Undang-undang Surat Akuan, 1960 dan mematuhi peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Akta Perakuan Bersumpah 1960.

*I/We make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true and virtue of the provisions of the Statutory Declaration Act, 1960.

Diperbuat dan dengan sebenarnya)
Subscribed and solemnly)
diakui oleh yang tersebut namanya di atas)
declared by the above name)
iaitu)

di)
at)
dalam negeri)
in the State of)
Pada hb 20.....)
This day of

.....
Tandatangan atau Cap Ibu Jari
Pemohon
Signature or Thumb Print of
Applicant

Di hadapan saya,
Before me

.....
Tandatangan Presiden Mahkamah
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah
(Signature of President of Sessions Court, Magistrate or Commissioner for Oaths)

*Potong yang tidak berkenaan

*Delete where appropriate

BUTIR-BUTIR PENERIMA (Details of Intended Transferee)

1. Nama :.....
(Name – Capital Letters)
2. Jika orang perseorangan :
(If individual)
 - 2.1 Butir-butir paspot :
(Details of passport)
 - 2.1.1. No Pasport:
(Passport No.)
 - 2.1.2. Negara dan tempat dikeluarkan:.....
(Country /Place of issued)
 - 2.1.3. Tarikh dikeluarkan:
(Date of issued)
 - 2.1.4. Tarikh habis tempoh:
(Date of expiry)
 - 2.2 Bangsa/warganegara:
(Race/citizenship)
 - 2.3 Uagama:
(Religion)
 - 2.4 Tarikh mula berada di Malaysia:
(Date of first arrival in Malaysia)
3. Jika Syarikat :
(If Company)
 - 3.1 No. Pendaftaran Syarikat di Malaysia:
(Company's registration number in Malaysia)
 - 3.2 Tarikh didaftarkan :
(Date of registration)
 - 3.3 Negara asal syarikat didaftar :
(Original country where company is registered)
 - 3.4 Tarikh Pendaftaran Asal:
(Date of first registration)
 - 3.5 Modal berbayar di Malaysia:
(Paid up capital in Malaysia)
 - 3.6 Jenis perniagaan:
(Type of business)

4. Alamat surat menyurat
(Correspondence address)
5. Alamat tempat tinggal/
 Tempat kerja
(Home address/
Business address)
6. No. telefon pejabat
(Office Tel.)
7. Pendapatan tahunan syarikat
(Company's yearly income)
8. Maklumat peribadi (orang perseorangan) ;
(Detail of Personel individual)
- 8.1 Pekerjaan
(Profession)
- 8.2 Jumlah pendapatan sebulan
(Monthly income)
- 8.3 Tempat kerja
(Place of work)
- 8.4 Taraf perkahwinan
(Married status)
- 8.5 Umur
(Age)
- 8.6 Jantina
(Sex)
- 8.7 Tarikh lahir
(Date of birth)
- 8.8 Tempat dilahirkan
(Place of birth)
- 8.9 Jumlah tanggungan
(Total number of dependants)
- 8.10 Namasuami/isteri
(Name of husband/wife)
- 8.11 Pekerjaan suami/isteri
(Profession of husband/wife)
- 8.12 Jumlah pendapatam bulanan
 suami/isteri
(Total income per month of husband wife)

8.13 Butir-butir tanggungan :
(Detail of dependants)

Bil (NO)	NAMA PENUH (FULLNAME)	UMUR (AGE)	TEMPAT LAHIR (PLACE OF BIRTH)	TARIKH LAHIR (DATE OF BIRTH)	HUBUNGAN (RELATIONSHIP)

9. *Saya/kami dan suami/isteri memiliki tanah-tanah di negeri-negeri dalam Malaysia seperti berikut :-

(Detail of another properties own by *me/us)

NEGERI (STATE)	DAERAH (DISTRICT)	*BANDAR PEKAN/ MUKIM (TOWN/VILLAGE/ MUKIM)	PERIHAL DAN NO. HAKMILIK (DESCRIPTION AND NUMBER OF TITLE)	KELUASAN (AREA)	KEGUNAAN TANAH (LAND OF USE)

10. Permohonan memindahmilik/memajakkan/memajak kecilkan tanah tersebut di buat adalah kerana

(Reasons why transferred)

.....

.....

.....

.....

.....

Tarikh:
(Date)

Tandatangan atau Cap Ibu Jari Penerima
(Signature or thumbprint of intended transferee)

*Potong yang tidak berkenaan

*Delete as appropriate

SURAT AKUAN
FORM OF DECLARATION

*Saya/kami(Penerima)
*I/We *Transferee*

*No. K.P/No. Pendaftaran Syarikat (atau pengenalan lain)
*NRIC Number/ Business Registration Number (or other identification)

yang cukup umur dan tinggal di
of full age and residing at

Ikhlaskan mengaku bahawa butir-butir yang disebutkan dalam permohonan saya kepada Pejabat Tanah
do solemnly and sincerely declare that the particulars furnished in my application to the Land Office

..... bertarikh untuk kebenaran memindahmilik/
dated for consent to transfer

memajak/memajak kecil (Perihal dan nombor)
lease/sub-lease in the land held under the description and number

Mukim adalah benar dan betul.
Mukim are true and correct

*Saya/Kami membuat surat akuan ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut didalamnya
adalah benar serta menurut Undang-undang Surat Akuan, 1960 dan mematuhi peruntukan-peruntukan
yang termaktub di dalam Akta Perakuan Bersumpah 1960.

**I/We make this solemn declaration conscientiously believing the same to be true and virtue of the provisions of the Statutory Declaration Act, 1960.*

Diperbuat dan dengan sebenarnya)
Subscribed and solemnly)

diakui oleh yang tersebut namanya di atas iaitu)
declared by the above name)

di)
at)

dalam negeri)
in the State of)

Pada hb 20.....)
This day of)

.....
Tandatangan atau Cap Ibu Jari
Penerima
Signature or Thumb Print of
Transferee

Di hadapan saya,
Before me

.....
Tandatangan Presiden Mahkamah
Majistret atau Pesuruhjaya Sumpah
(Signature of President or Sessions Court, Magistrate or Commissioner for Oaths)

*Potong yang tidak berkenaan
*Delete where appropriate

LAMPIRAN C



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40000 SHAH ALAM

Telefon : 03-55447000 samb. 7630 Fax : 03-55447673 / 55102658



SENARAI SEMAK PERMOHONAN KEBENARAN PINDAHMILIK WARGANEGARA ASING /
PENDUDUK TETAP / SYARIKAT ASING (S. 433B KTN)

PERKARA UNTUK DIBERI PERHATIAN		SENARAI SEMAKAN
1.	Sila Isikan Borang 433B dengan jelas dan kemas.	
2.	Tandakan (✓) pada kotak yang berkenaan	
3.	Sila sertakan dokumen-dokumen berikut:	
a)	Salinan dokumen hakmilik yang diakui sah @ Sijil Carian Rasmi Hakmilik	
b)	Salinan resit cukai tanah dan cukai harta bagi tahun semasa	
c)	Salinan kad pengenalan atau passport pemilik / penjual dan penerima / pembeli yang diakuisah.*	
d)	Salinan Surat Perjanjian jualbeli yang diakui sah.*	
e)	Sekiranya tanah/tanah-tanah yang berkenaan adalah tanah pusaka, salinan Sijil Kematian simati, Surat perlantikan sebagai Pentadbir Pusaka dan Wasiat (jika ada) yang diakuisah.*	
f)	Sekiranya hartanah yang berkenaan adalah pemberian kasih sayang antara suami-isteri, sertakan Sijil Nikah atau Sijil Pendaftaran Perkahwinan yang diakui sah.*	
g)	Sekiranya hartanah yang berkenaan adalah pemberian kasih sayang antara suami-isteri,sertakan Sijil Nikah atau Sijil Pendaftaran Perkahwinan yang diakuisah.*	
h)	Resolusi Lembaga Pengarah Syarikat (Jika berkenaan)	
i)	Undang-undang tubuh syarikat (Jika berkenaan)	
j)	Senarai Ahli Lembaga Pengarah Syarikat (borang 49 & 79 Akta Syarikat 1965)	
k)	Borang 24 & 80A Akta Syarikat 1965, mengenai pemilikan saham Syarikat.	
l)	Surat persetujuan Pemegang Gadaian jika tanah masih dalam gadaian.	
m)	Bayaran setiap permohonan : i. RM 200.00 (Mempunyai sekatan kepentingan) ii. RM150.00 (Tiada sekatan kepentingan)	
o)	Carian Rasmi maklumat Syarikat (sekiranya berkaitan Syarikat)	
(*) Pihak yang boleh mengakuisah dokumen ialah Pentadbiran Tanah, Peguam Atau Pendaftaran Mahkamah.		